

Mahathir hargai sikap CUEPACS

UM 23 OCT 1985

KUALA LUMPUR 22 Okt. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan menghargai sikap CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) membatalkan piket yang dijadualkan esok dalam usaha mencari penyelesaian kepada isu tuntutan gaji kakitangan awam.

Ditanya apa harapan beliau dalam perjumpaan yang bakal diadakan, Perdana Menteri berkata, "Kita selalu mempunyai banyak harapan dalam menghadapi isu ini."

Bercakap kepada para pemberita di bangunan Parlimen petang ini Datuk Sri Dr. Mahathir enggan mengulas lebih lanjut bila perjumpaan dengan CUEPACS akan diadakan.

Beliau enggan menyatakan sama ada perjumpaan itu akan diadakan minggu ini atau minggu depan dan akan diadakan "bila saya lapang".

Serentak dengan itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam pula menyifatkan pembatalan piket yang akan diadakan esok sebagai pendekatan peringkat kedua dalam penyelesaian masalah tersebut.

Menurutnya, beliau gembira sikap yang ditunjukkan oleh pihak kesatuan sekerja itu.

Menurut Datuk Musa, pembatalan piket esok adalah langkah peringkat kedua dalam pendekatan menyelesaikan isu tuntutan gaji kakitangan awam ekoran dari seruan beliau 14 Oktober lalu supaya semua pihak mengambil sikap menyeduk keadaan.

"Kita berharap perjumpaan-perjumpaan dan rundingan yang akan diadakan di peringkat ketiga ini akan mencapai kejayaan dengan semangat keikhlasan serta setiakawam kedua-dua pihak (ke-

rajaan dan CUEPACS) untuk mewujudkan suasana yang harmoni dan stabil bagi kepentingan pekerja-pekerja di negara ini.

Datuk Musa berharap perjumpaan yang akan diadakan dapat membawa persefahaman yang akan kelak mendorong pihak kesatuan seterusnya membatalkan tindakan mogok umum 15 Januari depan.

Beliau menarik perhatian bahawa keikhlasan dan setiakawan sesungguhnya telah ditunjukkan oleh kedua-dua pihak (pemimpin politik dan kesatuan) selepas kenyataannya meminta mereka mengendurkan keadaan.

Ditanya apa harapan beliau di dalam penyelesaian isu tuntutan gaji tersebut, Timbalan Perdana Menteri enggan membuat sebarang ulasan tetapi sebaliknya berkata, "spekulasi akan hanya menambahkan spekulasi yang boleh mencestuskan salah anggap."

Mengenai perkembangan terakhir isu tersebut, beliau berkata kejayaan yang diperolehi setakat ini adalah hasil dari sikap positif semua pihak membendung keadaan.

Utusan difahamkan Datuk Musa telah menjelaskan kepada Datuk Sri Dr. Mahathir tentang perkembangan terakhir isu tersebut di pejabat Perdana Menteri selama hampir sejam pagi ini.

Adalah difahamkan Per-

dana Menteri dan Datuk Musa kemudian mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kewangan, Encik Daim Zamuddin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Khalil Yaakub, Ketua Pemuda UMNO, Encik Anwar Ibrahim dan Ketua Wanita UMNO, Datin Paduka Rafidah Aziz tentang masalah tuntutan gaji dan piket yang dijadualkan esok.

Sementara itu, Naib Presiden UMNO, Datuk Haji Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, beliau gembira semangat musyawarah dan keinginan mencari penyelesaian terdapat pada pihak kerajaan dan CUEPACS dalam menghadapi isu ini.